

“I eguran dibuat kerana kita hendak mengekalkan raja”

# KITA TIDAK MAHU REPUBLIK PM JADI

**KUALA LUMPUR 10 NOV. -  
UMNO tidak akan menukar  
Malaysia menjadi sebuah  
republik.**

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, yang memberi jaminan ini berkata, ini kerana UMNO masih sayang pada raja-raja.

“Kita memberi nasihat kerana kita berada di tahap yang masih boleh ditegur.

“Bila rakyat sudah berhimpun beramai-ramai dengan membawa parang dan kapak, nasihat sudah tidak berguna lagi,” tegas beliau ketika menggulung perbahasan di penutup Perhimpunan Agung UMNO petang ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, selepas perhimpunan agung tahun lalu beliau telah menambahkan secara terus-terang perasaan

rakyat terhadap raja-raja dalam mesyuarat Majlis Raja-raja di mana Menteri-menteri Besar telah diarahkan keluar.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, berbangkitnya semula isu raja-raja dalam perhimpunan tahun ini menunjukkan bahawa ada yang tidak kena.

“Nampaknya, tikus inilah sekali lagi yang nak pergi pasang loceng tahun ini... kerana MB semua kena keluar, tinggal saya seorang saja...sebab itulah nak cakap memang senang sebab yang nak mengadap saya seorang,” ujar beliau.

Dalam ucapannya yang penuh sindiran tetapi tajam itu, Perdana Menteri menambah, LJMNO harus bersuara dan menegur raja-raja bukan untuk menghancurkan raja tetapi untuk mengekalkan mereka.

“Sebab itulah UMNO tidak mahu menjadi

**LIHAT MUKA**

## KITA TIDAK MAHU JADI REPUBLIK — PM

republik kerana ini bukanlah niat UMNO dan sebab kita tidak mahu menjadi seperti itulah maka sekarang kita menegur raja-raja kita," tegas Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, janganlah pula kerana teguran ini berbunyi kasar, raja-raja hendak merasa tersinggung kerana niat UMNO adalah jelas iaitu bukan untuk menurunkan mereka dari takhta.

Ini kerana, jika tidak ada raja, tidak adalah adat dan jika tidak ada adat, tidak adalah gelaran Dato' serta majlis-majlis di istana dan semua orang Melayu akan duduk di rumah sahaja, ujanya.

"Jadi oleh kerana kita nak raja-raja lebih-lebih lagi apabila kita nak medal dan gelaran Dato', kita kenal tegur raja-raja.

"Dalam perbincangan kali ini kadang-kadang kita terkasar...ini biasanya sebab ia adalah cara UMNO...tapi yang penting ialah apabila sesuatu dah tak kena, kita kenal tegur.

"Tugas penasihat ialah kena bagi nasihat yang betul. Yang dok jadi kacau ialah apabila penasihat asyik dok bagi cerita yang baik-baik sahaja.

"Di zaman feudal dahulu, raja-raja boleh buat sesuka hati mereka kerana penasihat terlalu takut pada raja dan mereka pula menjadi takut kerana raja telah menjadi terlalu berkuasa sehinggakan siapa yang bercakap benar akan kena kerat kepala.

"Sebab itulah semua orang kata negara dalam keadaan yang baik tapi sebenarnya rakyat kelaparan.

"Inilah yang pernah berlaku di Perancis sehingga membawa kepada Revolusi Perancis...kerana raja-raja dapat makan tapi rakyat kelaparan.

"Rakyat Perancis akhirnya menukar negara mereka kepada republik kerana sudah muak dengan karenah raja yang menjadi terlalu berkuasa sehinggakan dia boleh lakukan apa sahaja yang dia suka.

"Satu lagi contoh ialah Shah Iran... rakyat menjadi terlalu takut serta mengagung-agungkannya sebagai raja segala raja.

"Di sekelilingnya orang asyik puji sampaikan jeneral beliau sendiri sanggup cium kaki Shah semata-mata untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Shah adalah raja agung.

"Orang jadi lupa bahawa Shah Iran berasal dari keturunan seorang

sarjan askar sahala tetapi oleh kerana dia ada polis Savak yang kejam, yang menyeksa dan membunuh orang yang bercakap benar, rakyat jadi takut," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir menyoal balik para perwakilan, sejauh manakah rakyat akan bertahan dengan keadaan seperti ini kerana akhirnya mereka juga akan memberontak.

Beliau berkata, atas alasan-alasan dan pengalaman raja-raja inilah, rakyat menegur raja-raja.

Katanya, semasa Inggeris meletakkan penasihatnya di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dahulu, mereka memberi nasihat tetapi nasihat itu adalah nasihat yang kena diterima oleh raja-raja.

Ujar beliau, oleh kerana hari ini Malaysia mewarisi sistem Raja Berperlembagaan Inggeris, para penasihat (pemerintah) juga boleh memberi nasihat yang sama.

"Dan sudah tentulah nasihat ini jika diterjemahkan mengikut fahaman sistem Raja Berperlembagaan Inggeris, ia bukanlah nasihat tetapi sebenarnya arahan.

"Jadi kita akan pastikan kali ini kita bukan lagi memberi nasihat tetapi memberi arahan.

"Pepatah Melayu berkata, *sayangkan anak tangan-tangankan*," kata Dato' Sri Dr. Mahathir sambil mendapat tepukan gemuruh para perwakilan dan pemerhati.

Menurut Presiden UMNO, walaupun perlembagaan mengatakan raja-raja tidak boleh dicaci dan dihina tetapi perbincangan sepanjang perhimpunan agung ini tidak boleh difafsirkan sebagai demikian.

"Yang meletakkan larangan ini dalam perlembagaan ialah kita sendiri, kerana kita khuatir nanti orang-orang Cina akan mengatakan sesuatu kepada raja kita dan kita pula jadi marah tapi yang dok cakap mengenai raja kita sekarang ialah orang Melayu sendiri bukan kapitan-kapitan Cina," tambah beliau sambil tersenyum.

Bagaimanapun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, tujuan orang Melayu mendedahkan perbuatan raja-raja ialah kerana perbuatan mereka itu akan merugikan raja-raja, orang Melayu dan negara," tegas beliau.